

26 APR 2000

INTERNET-LABUR/I

SYARIKAT INTERNET ASING LABUR DALAM PORTAL MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 26 April (Bernama) -- Dua buah syarikat Internet asing akan melabur di dalam gerbang hiburan Malaysia, Octopus Online, untuk menembusi industri Internet yang cergas di sini.

Mandarinnet.com, salah satu daripada pembekal gerbang dan kandungan hiburan terbesar di Hong Kong, dan Live-e.com, destinasi hiburan Internet di Asia Pasifik berpangkalan di Singapura, telah melabur lebih dari RM500,000 di dalam ruang iklan di dalam Octopus Online.

Laman Octopus Online, yang dikendalikan oleh Cosmos Discovery Sdn Bhd, anak syarikat HVD Entertainment, akan juga digunakan sebagai landasan untuk melancarkan beberapa aktiviti dengan Mandarinnet.com .

Ketua pegawai eksekutif Cosmos Discovery, Damien Leong berkata, ini adalah selaras dengan seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya lebih banyak syarikat menerokai industri Internet.

Leong berkata syarikat itu boleh mencapai unjuran hasilnya dan akan melihat lebih banyak usaha sama dengan syarikat-syarikat lain yang mahu memasarkan produk mereka melalui Octopus Online.

"Internet bukanlah buih di lautan tetapi potensi dan peluang-peluang daripadanya adalah benar," katanya.

Agensi Berita Nasional (Bernama.com), akhbar Guang Ming dan Skali.com adalah juga rakan-rakan kongsi dengan Octopus Online, menghasilkan liputan lebih besar dan lebih daripada 100 juta capaian sebulan.

Tapak hiburan Octopus Online membawa musik, undi elektronik, profil artis, pra-nonton wayang gambar dan drama dan juga rencana-rencana mengenai acara-acara hiburan semasa dan fesyen.

Terdapat juga segmen "klik dan main" yang membolehkan fail-fail video dan audio dimuat turun dan dimainkan.

-- BERNAMA

RF LPS OS